

Rebat dibayar mulai Sabtu

Elaun kerajaan PM, TPM, jemaah menteri dipotong 10 peratus ringan beban rakyat

Oleh Abdul Razak Raaff

PUTRAJAYA: Pembayaran rebat kepada pemilik kenderaan persendirian yang dijadual bermula 1 Julai, akan mula dibayar Sabtu ini bagi mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan harga minyak.

Mesyuarat Majlis Menangani Inflasi yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini semalam, turut memutuskan elaun kerajaan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri dan timbalan menteri, dipotong 10 peratus mulai 1 Julai ini.

Selain itu, cuti berbayar bagi menteri dan timbalan menteri yang sebelum ini boleh dinikmati untuk ke sebarang destinasi, kini dihadkan kepada destinasi dalam negeri dan rantau Asean saja dengan tempoh tidak melebihi seminggu.

Bercakap pada sidang akhbar se-

"

*Kerajaan
menganggor
dapot
memperoleh
penjimatan
tambahan
RM2 bilion"*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

lepas mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan menganggor memperoleh penjimatan tambahan RM2 bilion menerusi pengurangan perbelanjaan awam, termasuk pemotongan elaun kerajaan jemaah menteri.

Beliau berkata, penjimatan itu

akan digunakan bagi menyalurkan semula kepada rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Abdullah berkata, Perbendaharaan akan menyelaraskan butiran mengenai jumlah pengurangan elaun

Elaun kerajaan (sebulan)

	SEKARANG	SELEPAS POTONGAN 10 PERATUS
Perdana Menteri	RM 18,865	RM16,978.50
Timbalan Perdana Menteri	RM 15,015	RM13,513.50
Menteri	RM 12,320	RM11,088
Timbalan Menteri	RM6,000	RM5,400

luar negara, penggunaan hotel untuk sebarang majlis serta menanggukkan perbelanjaan yang masih dalam perancangan.

Mengenai bayaran rebat kepada pemilik kenderaan persendirian, Perdana Menteri berkata, pemilik kenderaan yang memperbaharui cukai jalan pada April dan Mei tahun ini boleh mendapatkan bayaran berkenaan di pejabat pos mulai Sabtu ini.

Beliau berkata, maklumat terperinci mengenai prosedur berhubung perkara itu akan diumumkan dalam masa terdekat.

Minggu lalu, Abdullah mengumumkan pemilik kenderaan berkuasa 2,000cc ke bawah, pikap dan pacuan empat roda yang berkuasa 2,500 cc ke bawah akan diberi rebat RM625 setahun, manakala pemilik motosikal berkuasa 250cc ke bawah akan dibayar RM150 setahun.

berkenaan dan tindakan bagi melaksanakannya dengan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata, Perbendaharaan juga mengeluarkan pekililing mengenai cara pengurangan perbelanjaan, terutama berkaitan perjalanan